

## **PENGUNAAN PASIR DALAM MENINGKATKAN MEMORI MURID PEMULIHAN DALAM PENULISAN HURUF**

Oleh

**Cassandra Warnes Anak Tueng**  
**cassandratueng@gmail.com**

### **ABSTRAK**

*Kajian ini adalah bertujuan menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam membantu murid Pemulihan untuk mengingati cara penulisan huruf dengan menggunakan kaedah taktile iaitu penulisan atas pasir. Kajian ini melibatkan saya dan seorang murid pemulihan Tahun 2 dari sebuah sekolah rendah di Kuching. Dalam kajian ini saya telah menggunakan Kaedah taktile yang diperkenalkan Fernald ( 1943 ) dalam bukunya yang bertajuk "Remedial Techniques in Basic School Subject". Pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Cara analisis data yang saya gunakan adalah analisis kandungan manakala untuk menyemak data pula saya telah menggunakan triangulasi sumber dan triangulasi masa. Kaedah Taktile ini didapati membantu peserta kajian saya dalam mengingati cara penulisan huruf selain menambah baik amalan saya. Saya ingin melanjutkan kajian ini untuk membantu murid menguasai kemahiran seterusnya dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pemulihan.*

*Kata Kunci : mengingati, penulisan huruf, kaedah taktile, murid pemulihan*

### **ABSTRACT**

*The research was conducted to improve my teaching and learning practices in helping remedial student to memories on how to write the letter using the tactile technique, that is writing on the sand. This research involved me and Year 2 students from primary school in Kuching. In this research I am using the Multy- sensory technique by Fernald ( 1943 ) in his book "Remedial Techniques in Basic School Subject". Observation, document analysis and interviews were used in collecting data. The data was then analyzed using content. I also used persons and time triangulation in checking the data. Tactile technique was found to help my students to write the letter correctly besides able improving my teaching practices. I would like to further this research by using the technique in new topics.*

*Keywords: memories, writing letter, tactile technique, remedial student*

### **PENGENALAN**

#### **Konteks**

Saya telah menjalani praktikum fasa ketiga selama tiga bulan di Sekolah Kebangsaan Teratai ( nama samara ) yang terletak kira – kira 15 Km dari pusat bandar, Kuching. Sekolah ini merupakan sekolah bergred A yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur asas di samping mempunyai 19 orang tenaga guru yang berkelayakkan dalam bidang masing – masing. Saya telah diberi tanggungjawab untuk mengajar kelas Pemulihan bagi subjek Bahasa Malaysia untuk kelas Tahun 2. Kelas ini mempunyai 4

*Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/  
27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

orang murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang keluarga dari segi ekonomi dan pendidikan.

### Isu Keprihatinan

Sebelum saya memulakan sesi pengajaran, saya telah bertemu dengan guru pemulihan ( pembimbing major ) untuk mendapatkan serba sedikit maklumat ringkas berkenaan dengan murid yang akan saya ajar. Maklumat ini termasuklah latar belakang murid, kecenderungan dan minat murid dan yang paling penting ialah tahap pengetahuan sedia ada murid dan kemahiran – kemahiran yang sudah dipelajarinya. Adalah menjadi tanggungjawab sebagai seorang guru untuk mengetahui maklumat berkenaan dengan murid – muridnya sebelum mula mengajar. Maklumat – maklumat ini membantu saya merapatkan jurang antara guru dan murid dan membantu saya menyiapkan diri sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kemudian, saya telah menjalankan ujian diagnostik Bahasa Malaysia dalam bentuk tulisan dan lisan bersama –sama empat ( 4 ) orang murid pemulihan Tahun Dua. Menurut Thorndike ( 1971 ), apa saja yang wujud dapat diukur. Ini bermakna bahawa pengukuran ini termasuklah pengukuran ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh murid – murid saya. Saya telah mendapat maklumat secara lisan mengenai pencapaian mereka berempat daripada sumber sekunder iaitu guru pembimbing , akan tetapi sebagai seorang penyelidik, saya perlu mendapatkan maklumat yang sahih daripada sumber primer iaitu murid – murid Pemulihan.

Hasil daripada ujian dignostik, saya telah mendapati seorang daripada murid saya, Jim telah mendapat markah yang paling rendah dan dia tidak dapat menguasai kemahiran 1, iaitu menulis huruf kecil seperti yang terdapat dalam Huraian Sukatan Pelajaran Pemulihan. Analisis ujian didapati Jim tidak dapat membezakan antara nombor dan abjad. Ini adalah kesalahan yang paling nyata. Dia telah menulis beberapa angka nombor 5 dan nombor 8 apabila disuruh menulis abjad 'g' dan 'o' oleh guru. Selain daripada itu, Jim telah mencampur - adukkan antara huruf besar 'l' dan huruf kecil 'i'. Perkara ini juga menjadi kesalahan yang amat serius dan perlu di ambil. Akhir sekali kesalahan yang dapat diperhatikan dalam ujian diagnostik ini ialah Jim tidak menulis huruf yang telah disebutkan oleh saya secara lisan dengan betul. Kesimpulannya, kesalahan yang dilakukan oleh Jim boleh dilihat dalam Rajah 1

a ✓	c ✓	p x	e ✓	h x
5 x	8 x	m ✓	l x	i x
k ✓	f x	o x	6 x	s x
y x	r x	m x	M x	y x

Rajah 1 Ujian Diagnostik Jim yang telah disemak

Daripada ujian dignostik ( Rajah 1 ) ini, saya memilih masalah dalam penulisan sebagai isu untuk penyelidikan tindakan saya.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk membantu murid saya ( Jim ) untuk mengingati cara menuliskan huruf dengan menggunakan kaedah taktile ( penulisan atas pasir ). Disamping itu juga, kajian ini bertujuan untuk menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran (p&p) saya dalam membantu murid menulis huruf yang betul.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Adakah penggunaan kaedah taktile ( penulisan di pasir ) berkesan untuk meningkatkan daya ingatan murid pemulihan?
- Bagaimana teknik taktile ( penulisan atas pasir ) dpat membantu saya dalam penambahbaik amalan P&P saya sebagai seorang guru pemulihan.

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Menurut Ott (1997), kemahiran asas 3M ini adalah penting untuk dikuasai oleh setiap murid bagi membolehkan mereka mendapat kebaikan daripada setiap komponen yang terdapat dalam kurikulum sekolah rendah. Dari pengalaman dan pemerhatian saya semasa menjalankankan sesi praktikum fasa I, II dan III dan sekali program internship, murid yang dikategorikan lemah adalah pernah mengikuti kelas pemulihan ketika berada di tahun dua dan tahun tiga. Dalam subjek Bahasa Malaysia, kebanyakan murid – murid Pemulihan mempunyai masalah untuk mengenal, mengingat, menyebut dan menulis perkataan dengan betul. Abdul Rasid ( 2011 ) mengatakan punca utama masalah murid dalam kemahiran menulis adalah tidak mengenal abjad. Manakala bagi Hidreth ( 1974 ) pula punca masalah menulis adalah kegagalan pengamatan terhadap huruf dan perkataan serta daya ingatan yang lemah. Oleh itu dalam kajian ini saya menggunakan bahan bantu mengajar Kotak Pasir selepas saya membaca jurnal yang ditulis oleh Harold dan Eugene ( 1982). Mereka melaporkan bahawa kaedah taktile iaitu penulisan atas pasir dapat membantu meningkatkan memori murid dalam pembelajaran.

### **Pelaksanaan Tindakan**

Tindakan kajian ini bermula pada 13 Febuari 2012 hingga 9 Mac 2012. Saya telah memperkenalkan Kotak Pasir dan cara penggunaanya kepada Jim. Semasa melaksanakan penyelidikan ini, Jim melalui tiga peringkat pengajaran ( sila rujuk Jadual 1). Pertama, saya akan memberi set kotak pasir bersama dengan kad huruf yang ditulis dengan tertib penulisan yang betul mengikut warna dan ditandai dengan angka nombor ( Rajah 2.1 ). Seterusnya murid akan menulis huruf berkenaan di atas pasir. Jim pada mulanya melihat kad huruf tersebut dan kemudian tanpa melihat kad huruf secara berulang kali. Kemudian, murid akan membuat latihan menulis huruf yang dipelajari dalam buku garis tiga dan sebagai latihan lanjutan murid akan menulis huruf tersebut di buku garis satu.

**Jadual 1 Peringkat Pengajaran**

Peringkat Pengajaran	Aktiviti
<p>Peringkat 1</p> 	<p>Murid akan berikan set kotak pasir dan kad huruf yang mempunyai cara – cara tertib penulisan huruf.</p>
<p>Peringkat 2</p> 	<p>Murid akan menulis huruf di atas pasir ( kotak pasir ) mengikut cara – cara tertib yang terdapat di kad huruf di peringkat pertama.</p> <p>Mula – mula murid akann menulis dengan melihat kad huruf dan kemudiannya, murid akan menulis tanpa melihat kad huruf tersebut.</p>
<p>Peringkat 3</p> 	<p>Murid akan menulis huruf di buku garis tiga secara latih tubi.</p>

Bagi mengukuhkan pemahaman dan penguasaan murid saya akan memberi ujian pengukuhan pada 17 Februari, 24 Februari, 2 Mac, dan 7 Mac iaitu di sesi terakhir interaksi dalam seminggu. Jadual 2 menunjukkan rekod pengedaran Ujian Dignostik, Ujian Pengukuhan dan Ujian Pengesanan Akhir

**Jadual 2**  
Rekod Pengedaran Ujian

Tarikh	Hari	Jenis Ujian
8 Februari 2012	Rabu	Ujian Dignostik
17 Februari 2012	Jumaat	Ujian Pengukuhan 1

24 Februari 2012	Jumaat	Ujian Pengukuhan 2
2 Mac 2012	Jumaat	Ujian Pengukuhan 3
7 Mac 2012	Rabu	Ujian Penguhan 4
9 Mac 2012	Jumaat	Ujian Pengesanan Akhir

## METODOLOGI

### Peserta Kajian

Jim mempunyai masalah pembelajaran dalam subjek Bahasa Malaysia iaitu tidak dapat menulis huruf dengan betul. Jim merupakan seorang murid yang cerdas, petah bercakap dan sangat aktif semasa berlangsungnya sesi p&p. Selain Jim, saya selaku penyelidik turut berperanan sebagai peserta kajian bagi menambah baik amalan sendiri saya dalam mengajar kemahiran asas menulis huruf untuk murid pemulihan.

### Etika Penyelidikan

Sebelum saya melaksanakan penyelidikan tindakan ini, pihak IPG Kampus Batu Lintang telah memohon kebenaran daripada pihak pengurusan SK Teratai secara formal untuk membenarkan saya menjalankan penyelidikan tindakan ini. Untuk, peserta kajian, saya telah menyediakan surat persetujuan yang perlu ditandatangani sekiranya dia bersetuju untuk menjadi peserta kajian saya. Saya terlebih dahulu akan membaca dan menerangkan tanggungjawab dan peranannya serta perkara – perkara yang akan dilaluinya sepanjang tempoh pelaksanaan PT ini. Rajah 2 menunjukkan surat akuan peserta

Surat Akuan Peserta kajian

Saya \_\_\_\_\_ dari kelas \_\_\_\_ dengan ini bersetuju untuk menjadi peserta kajian dan tindakan yang dijalankan oleh Cikgu Cassandra Warnes ak Tueng dengan rela hati dan tanpa paksaan. Saya akan memberi sepenuh kerjasama dan komitmen disepanjang proses penyelidikan ini. Saya faham segala tindakan dan bimbingan adalah untuk kebaikan saya. Saya juga mengetahui bahawa segala maklumat dan identiti diri saya tidak didedahkan. Dengan ini saya memperakui bahawa pernyataan di atas telah saya fahami sepenuhnya.

Tarikh: \_\_\_\_\_

Tandatangan peserta kajian \_\_\_\_\_ Tandatangan penyelidik \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Rajah 2 Surat Akuan Peserta

## **Teknik Mengumpul Data**

### **Pemerhatian**

Saya gunakan ialah kaedah pemerhatian. Hasil pemerhatian saya catat sebagai nota lapangan dalam buku khas. Sepanjang pemerhatian ini, saya berperanan sebagai seorang guru dan pemerhati terhadap kesan penulisan pasir. Pemerhatian secara berterusan membolehkan saya melihat perkembangan peserta kajian dalam mengingat cara penulisan huruf abjad

### **Temu bual**

Saya turut menggunakan kaedah temu bual untuk mengumpul data. Saya telah menjalankan beberapa sesi temu bual bersama guru pembimbing dan guru subjek Bahasa Malaysia Tahun 2 dan Jim sendiri sebelum, semasa dan selepas intervensi dijalankan. Saya telah menggunakan kaedah temu bual berstruktur bersama dengan guru pembimbing dan guru subjek Bahasa Malaysia tahun 2. Menurut Mohd Majid ( 2009 ), kaedah temubual membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat yang lebih lengkap. Bersama Jim saya telah mengumpul data melalui perbualan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Ini adalah untuk menimbulkan suasana yang tenang dan santai agar tidak memberi tekanan. Di samping itu juga, perbualan secara tidak langsung ini akan membolehkan saya untuk melakukan penerokaan idea atau perasaan selain daripada mendapatkan fakta – fakta tertentu. Saya telah berpeluang kepada saya ( penyelidik ) untuk meneroka secara mendalam iaitu berbual – bual mengenai perasaan dan idea mereka.

### **Analisis dokumen**

Instrumen analisis dokumen yang saya gunakan adalah lembaran kerja murid, rekod perkembangan prestasi iaitu ujian dignostik dan ujian pengesanan akhir. Selain daripada itu juga saya menganalisis ujian pengukuhan yang diberikan kepada Jim di setiap sesi interaksi untuk seminggu. Markah – markah yang diperolehi oleh Jim akan direkod dan dianalisis.

### **Teknik Menganalisis Data**

Saya telah gunakan teknik analisis kandungan untuk menganalisis data yang saya perolehi. Saya telah menganalisis kandungan ujian dignostik, lembaran kerja murid, ujian pengukuhan, dan ujian pengesanan akhir. Ini adalah untuk melihat perkembangan dan kemajuan pencapaian Jim di sepanjang berlangsungnya PT ini. Seterusnya, saya menganalisis kandungan hasil temu bual bersama guru pembimbing dan guru subjek Bahasa Malaysia Tahun 2. Saya akan melabelkan reaksi – reaksi dan komen – komen penting. Akhir sekali saya akan menganalisis nota lapangan yang saya tuliskan. Fokus analisis saya adalah respon sikap yang ditunjukkan oleh Jim dalam sesi p&p.

### **Teknik Menyemak Data**

Saya menggunakan triangulasi sumber dan triangulasi masa untuk menyemak kesahihan data saya. Semasa menggunakan traingulasi sumber, saya telah menemu bual guru pembimbing dan guru major subjek Bahasa Malaysia Tahun 2 berkenaan dengan perkembangan Jim dalam pelajarannya. Saya membandingkan hasil temu bual yang dijalankan menggunakan borang matrik. Perbandingan ini membantu saya menyemak kredibiliti data yang diperolehi.

Menggunakan triangulasi masa digunakan untuk menyemak data saya. Saya telah membandingkan keputusan ujian dignostik dengan keputusan ujian pengesanan akhir Jim. Sepanjang tempoh PT ini saya akan kira kemajuan sebelum dan selepas tindakan diambil.

## REFLEKSI

### Refleksi Dapatan


- **Adakah kesan penggunaan kaedah taktile (penulisan di atas pasir) berkesan untuk meningkatkan daya ingatan murid pemulihan terhadap penulisan huruf?**

Saya telah menggunakan kaedah penulisan atas pasir semasa proses p&p bermula dari 13 Februari 2012 hingga 9 Mac 2012. Di samping, itu juga saya telah menyediakan dua set lembaran kerja dan satu set ujian pengukuhan untuk setiap huruf yang telah dipelajari. Lembaran kerja yang saya sediakan diberikan kepada murid di dalam kelas selepas melakukan latih tubi penulisan huruf atas pasir. Kemudian, pada kelas berikutnya, saya memberi ujian pengukuhan berdasarkan pengajaran dan pembelajaran pada sebelumnya. Saya merekod markah ujiannya tersebut. Didapati ujian pengukuhan 1 sehingga ujian pengukuhan 4 Jim telah menunjukkan peningkatan banyak 49% seperti yang terdapat pada Jadual 3.

Borang Permarkahan Ujian Pengukuhan Jim		
Ujian Pengukuhan	Jumlah yang	Markah ( % )
1	5 / 12	42%
2	7 / 12	58%
3	9 / 12	75%
4	11 / 12	91%

Jadual 3 Borang Permarkahan Ujian Pengukuhan

Selain daripada itu juga, Jim telah menunjukkan peningkatan dalam ujian pengesanan akhir berbanding dengan ujian dignostiknya. Pada ujian dignostik Jim telah mendapat 26% markah dan pada ujian akhir dia telah mendapat 91% yang membawa peningkatan sebanyak 65% seperti yang di tunjukkan dalam Graf 1



**Graf 1 Perbandingan Markah Ujian Dignostik dan Ujian Pengesanan Akhir**

- **Bagaimanakah teknik ( taktile ) penulisan atas pasir dapat membantu saya dalam penambahbaikan amalan P&P saya sebagai seorang guru pemulihan?**

Penulisan atas pasir adalah satu ilham saya dalam menambah baik amalan mengajar . Saya merancang satu pelan tindakan berserta langkah – langkah tindakan yang bersistematik untuk membantu murid saya. Inovasi ini telah meningkatkan mutu pegajaran saya sebagai seorang guru. Saya menjadi lebih peka terhadap kaedah dan teknik sesuai yang saya gunakan etika mengajar. Selama menjalankan praktikum I dan praktikum II saya hanya gunakan teknik pandang sebut dan penggunaan multimedia sahaja ketika mengajar kemahiran ini. Melalui penyelidikan tindakan ini, secara tidak langsung saya telah meneroka satu lagi kaedah pengajaran yang belum pernah saya cuba ketika pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

### **Refleksi Penilaian tindakan**

Penulisan atas pasir yang saya jalankan menunjukkan kesan yang positif kepada Jim. Selepas menjalani intervensi ini, Jim menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan didalam ujian – ujian yang saya telah sediakan. Kaedah ini telah membantu Jim untuk mengingati penulisan huruf – huruf. Pelaksanaan intervensi ini telah memberi motivasi kepada Jim untuk belajar. Jim berasa seronok dan sekali gus meningkatkan keyakinan dirinya ketika berada di dalam kelas.

Kelemahan kaedah ini ialah dari segi lembaran kerja. Lembaran kerja yang di sediakan adalah sama iaitu menulis semula huruf yang dipelajari. Ini mungkin akan menyebabkan kebosanan untuk tempoh masa yang lama untuk Jim.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Pengalaman yang saya perolehi ketika menjalankan penyelidikan tindakan ini telah memberi satu kesan positif kepada saya dalam mengembangkan amalan professional saya sebagai



seorang guru. Penyelidikan tindakan memberi peluang kepada saya untuk menerokai permasalahan yang dihadapi oleh murid pemulihan dan berusaha untuk menyelesaikannya. Seterusnya ianya telah menjadikan saya sebagai seorang guru yang peka, seperti yang disarankan oleh Craft ( 2002 ) yang mengatakan bahawa pendidik yang professional, seorang guru perlu peka terhadap inisiatif pendidikan yang terkini.

Selain daripada itu, seorang guru yang professional haruslah sentiasa mengikuti perkembangan ilmu pendidikan pada masa kini dengan membaca kajian – kajian dan buku – buku bagi menambah ilmu pengetahuan dan ilmu pedagogi. Melalui penyelidikan tindakan ini, saya telah berpeluang untuk mencuba kaedah penulisan atas pasir seperti yang dilakukan oleh Fernald ( 1943 ). Ini merupakan satu keadah pembelajaran alternatif yang saya temui disepanjang saya menjalani latihan praktikum.

Menggunakan pasir dalam pembelajaran telah memberi kesan yang besar kepada saya. Saya perlu mencari bahan pengajaran yang bersesuaian dengan minat, kecenderungan murid dan yang paling penting ialah bagaimana bahan pembelajaran tersebut dapat membantu murid saya mengatasi masalahnya.

### **Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya**

Kitaran penyelidikan seterusnya saya akan mempelbagaikan jenis lembaran kerja. Jika pada penyelidikan ini saya hanya menggunakan satu jenis lembaran kerja iaitu, menulis secara latih tubi di buku garis tiga dan seterusnya menulis huruf berkenaan di buku garis satu, tetapi pada penyelidikan akan datang saya akan menghasilkan lembaran kerja yang berorientasikan pendidikan seni seperti mewarna dan membuat kolaj ataupun berorientasikan teknologi maklumat seperti penggunaan komputer riba untuk menulis huruf yang telah dipelajari. Ini adalah sedikit sebanyak menarik perhatian dan minat untuk murid belajar. Selain daripada itu, saya perlu meluangkan lebih banyak masa bersama dengan Jim, iaitu di luar waktu pengajaran dan pembelajaran. Sebagai seorang guru, saya perlu memberi lebih perhatian terhadap masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid saya kelak terutamanya murid kelas pemulihan. Ini adalah menjadi tanggungjawab saya sebagai seorang guru dalam membantu meningkatkan lagi penguasaan kemahiran murid saya.

### **RUJUKAN**

- Hilgard E.R.( 1957 ) ( edisi kedua ). *Introduction to Psychology*. Harcourt, Brace and Company.
- Fernald, G.1943., *Remedial Techniques*. New York: McGraw-Hill Book Co.,Inc.
- Gardner, H. ( 1983). *Frames of mind: The theory of multiple intelligences*. New York: Basic Books
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum bersepadu Bahasa Melayu sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Lisah binti Chong Vui Fah. ( 2011 ). *Penggunaan “ Combo Set” dalam membantu murid tahun tiga menjawab soalan long division*. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP MT amb. Januari 2008, Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2011, ms 27- 41. IPG Kampus Batu Lintang. Kuching
- Mohd. Majid Konting (1999). “Kaedah Penyelidikan Pendidikan.”Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Thorndike, Robert L. 1971. *Educational Measurement*. Washington, D.C, America Council on Educational.